

# UniMAP Juarai Kejohanan Taekwondo Terbuka Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis

 Mohd Hafeez Nordin

Pada 3 hingga 4 Oktober 2009 pasukan taekwondo mahasiswa UniMAP telah mengorak langkah lagi dengan menyertai kejohanan jemputan antara IPT yang telah dianjurkan oleh Pasukan Taekwondo Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTTSP). Kejohanan yang berlangsung selama dua hari ini telah disertai sebanyak 11 pasukan dari Politeknik dan IPTA. Pasukan Taekwondo UniMAP telah menghantar peserta seramai 11 orang dan 3 pegawai pada kejohanan kali ini. Pada edisi kali ini sebanyak 2 kategori yang dipertandingkan iaitu acara Pattern (Pomse) dan acara Fighter. Didalam kejohanan ini wakil peserta daripada Persatuan Taekwondo Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menyumbangkan beberapa pingat dalam pertandingan taekwondo GTF antara politeknik-politeknik. Pasukan Taekwondo UniMAP turut mengambil bahagian dalam 11 kategori dari penyertaan yang terdiri

daripada siswanya pada kejohanan tersebut. UniMAP telah menyumbangkan 1 emas, 2 perak dan 4 gangsa dalam kategori masing-masing. Pertandingan ini melibatkan 9 politeknik dan 2 buah universiti iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Keseluruhan peserta yang terlibat dalam pertandingan ini adalah seramai 200 orang. Berikut adalah senarai pemenang dan juga kutipan pingat yang diperolehi.

Syabas buat pasukan taekwondo UniMAP kerana berjaya membentuk pasukan yang baik dan diharap akan berjaya menggondol lagi pingat pada kejohanan yang akan datang terutamanya dalam sukan MASUM 2010 nanti.

PINGAT	NAMA PEMENANG	ACARA YANG DIPERTANDINGKAN
Emas	Nur Syuhadah Bt Hamid	Middle Weight
Perak	Moey Gian Jing	Welther Weight
Perak	Muhamad Hakim Mohd Amran	Heavy Weight
Gangsa	Eng Chai Sun	Fin Weight
Gangsa	Leong Kean Wei	Bantam Weight
Gangsa	Muhaamd Fariz Md Omar	Fly Weight
Gangsa	Ng Pei Fang	Heavy Weight